

**TEKS UCAPAN
Y.BHG. PROFESOR DR. RAHA ABDUL RAHIM
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**Majlis Perasmian Program Food Bank
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**

**3 Julai 2019 (Rabu), 4.00 Petang
Pusat Persatuan Pelajar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka**

Terima kasih saudara dan saudari pengacara majlis.

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berbahagia Datuk Muez Bin Abd Aziz

Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna

Yang Berusaha Tuan Jaiya Bin Abu

Pengarah

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna
Negeri Melaka

Yang Berbahagia Prof. Teknologis Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Nurulfajar bin Abd Manap

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Yang Berusaha Tuan Hj Ab Wahab Bin Long

Ketua Pegawai Eksekutif
Yayasan Food Bank Malaysia

Pegawai-pegawai Kanan Universiti, Pegawai-pegawai Kanan
KPDNHEP;

Majlis Perwakilan Pelajar UTeM;

Rakan media, Staf, Mahasiswa Mahasiswi UTeM, seterusnya hadirin
hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau, Bersih.

1. Pertamanya, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah perkenan dan izin-Nya, dapatlah kita berhimpun pada petang ini bagi merasmikan program Food Bank, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, sebuah inisiatif murni yang diperkenalkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna.
2. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada Yang Berbahagia, Datuk Muez Bin Abd Aziz, Ketua

Setiausaha, KPDNHEP dan semua dif-dif jemputan ke Kampus Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

3. Bagi pihak pengurusan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khususnya kepada pihak KPDNHEP kerana sudi memilih UTeM bagi pelaksanaan program yang begitu bermanfaat kepada mahasiswa dan mahasiswi Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Hadirin dan hadirat sekalian,

4. Berdasarkan kepada situasi ekonomi semasa, isu berkaitan peningkatan kos sara hidup menjadi topik utama yang sering dibicarakan oleh masyarakat, terutama kepada mereka yang tinggal dan bekerja di kawasan bandar besar, termasuklah di Melaka. Walaupun, kos sara hidup di Negeri Hang Tuah ini masih lagi di dalam kategori berpatutan jika dibandingkan dengan kawasan Lembah Klang, Johor Bahru mahupun Georgetown, namun ianya sedikit sebanyak turut memberi kesan yang kurang baik dalam kehidupan kita khususnya kepada mahasiswa dan mahasiswi yang sedang melanjutkan pengajian mereka di Universiti dalam dan luar negara.

5. Menerusi pemerhatian berterusan yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan UTeM sendiri, ada di antara para pelajar di Universiti ini yang tidak mendapat akses kepada makanan yang mencukupi, dalam erti kata lain, masih ramai yang “terpaksa ikat perut”. Ini secara langsung menjadi salah satu faktor tekanan, yang boleh mengganggu proses pembelajaran dan kehidupan di sepanjang pengajian mereka di Universiti ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Seperti kebanyakan Universiti Awam yang lain, majoriti daripada mahasiswa dan mahasiswi di UTeM adalah terdiri daripada mereka yang berlatarbelakangkan keluarga B40 iaitu mereka yang mempunyai pendapatan rumah dengan purata tidak melebihi RM3,860.00 sebulan.

7. Menerusi Pejabat Hal Ehwal Pelajar, UTeM senantiasanya mengenalpasti mahasiswa dan mahasiswi yang berada di dalam kategori ini, yang memerlukan bantuan bagi

mengurangkan bebanan yang dihadapi. Antara inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan adalah seperti :

- a. Pelaksanaan program Food For You, yang menyediakan makanan percuma kepada para pelajar yang memerlukan, menerusi penggunaan kupon yang di tanggung oleh Pusat Tanggungjawab.
- b. Seterusnya, pihak Universiti juga memperkenalkan Skim Pelajar Bekerja secara separuh masa di Pusat-Pusat Tanggungjawab tertentu seperti di Perpustakaan dengan ganjaran saguhati, mengikut kadar yang telah diluluskan oleh pihak Universiti.

- c. Selain itu, Program 1 Peniaga 1 Pelajar yang mana setiap peniaga pasar malam yang beroperasi pada setiap hari Rabu di Kolej Kediaman Satria perlu mengupah sekurang-kurangnya seorang mahasiswa dan mahasiswi untuk bekerja di gerai sewaktu pasar malam tersebut beroperasi.
8. Menerusi inisiatif-inisiatif murni ini, apa yang diharapkan oleh pihak Universiti, agar ianya dapat membantu menangani isu kos sara hidup dan mengurangkan bebanan yang dihadapi oleh mahasiswa dan mahasiswi di Universiti ini. Ini secara langsung, dapat meningkatkan lagi kesejahteraan kehidupan mahasiswa dan mahasiswi, di samping membantu mereka

untuk lebih fokus di dalam pembelajaran sehingga berjaya menamatkan pengajian di Universiti ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

9. Pelaksanaan Food Bank di UTeM merupakan variasi tambahan terhadap jenis bantuan yang boleh diberikan kepada mahasiswa dan mahasiswi UTeM yang memerlukan, seterusnya membantu mereka menjalani kehidupan sebagai

seorang pelajar tanpa kebimbangan terhadap masalah kewangan.

10. Pelaksanaan program ini diselaraskan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar, di mana segala usaha bagi menjayakan Food Bank ini adalah hasil daripada usahasama staf dan juga mahasiswa dan mahasiswi sendiri. Pelaksanaanya juga adalah selaras dengan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu 'Dari Pelajar Kepada Pelajar'.
11. Selain itu, pemilihan ruang Food Bank di Pusat Persatuan Pelajar sebagai Food Pantry merupakan lokasi yang begitu

strategik kerana disinilah tempat tumpuan utama para pelajar universiti ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

12. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya bagi pihak pengurusan universiti mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada KPDNHEP selaku

penyelaras bagi pelaksanaan Food Bank ini. Tahniah juga diucapkan kepada pihak Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM di atas segala usaha dan komitmen tinggi dalam merealisasikan program murni ini.

13. Semoga segala usaha murni yang kita lakukan ini mendapat keredaan Allah S.W.T.

Berlayar jauh si anak kelasi,
Mencari bahagia mahligai di cita;
Siswa di bantu beban di kongsi,
Agar sejahtera Universiti tercinta.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik wal hidayah wasalamualaikum wbt.